

**MTRK Sokong Tindakan Polis Kawal Keamanan Di Perhimpunan Bersih
Bernama
19 Mei, 2012**

KOTA BAHARU, 19 Mei (Bernama) -- Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) menyerahkan memorandum menyokong tindakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengawal keamanan semasa perhimpunan Bersih 3.0 di Kuala Lumpur 28 April lepas.

Memorandum itu diserahkan Presiden MTRK Che Azmi Mohd Ali kepada Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Khalid Abu Bakar sempena lawatannya ke Kelantan hari ini.

Che Azmi berkata memorandum itu lebih kepada pernyataan setinggi-tinggi sokongan dan penghargaan kepada PDRM yang bertindak penuh profesional dalam menangani perhimpunan tersebut, berlandaskan undang-undang.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis ringkas penyerahan memorandum dan jambangan bunga kepada Khalid di Jalan Pintu Pong di sini.

Kira-kira 200 anggota MTRK dan pemimpin masyarakat serta pertubuhan bukan kerajaan hadir pada perhimpunan itu.

Che Azmi juga beliau yakin PDRM bertindak dengan penuh berhemah, tegas dan berdisiplin walaupun dicaci, dilempar dengan kata-kata kesat serta memalukan dan diprovokasi sehingga hampir mengorbankan nyawa anggota polis yang bertugas.

"Kami MTRK mengutuk sekeras-kerasnya perhimpunan itu yang bermotifkan politik sehingga merosakkan harta benda kerajaan dan awam, sedangkan ada saluran lain yang boleh digunakan secara aman dan bertamadun," katanya.

Beliau juga meminta PDRM mengambil tindakan paling tegas terhadap individu yang bertanggungjawab merancang, mencipta dan membangkitkan rusuhan ganas untuk mencapai cita-cita politik jijik sehingga menggugat ketenteran awam.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667264>